

# FAKTOR-FAKTOR YANG MENGHALANG PENGLIBATAN PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS DALAM KEGIATAN SUKAN DI WAKTU SENGGANG

*Teo Kian Joo, Abdul Mutallip Abd Ghani, Mohd Sohaimi Ramli,  
Salmawati Mohd Diah, Hasnah Abu Samah & Mohd Dahlan Abdul Kadir*

## Abstrak

*Kajian ini bertujuan untuk meninjau faktor-faktor yang menghalang penglibatan pelajar-pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK), Kuala Lumpur dalam kegiatan sukan di masa senggang. Kajian ini ingin melihat faktor penghalang dari segi faktor struktur, faktor intrapersonal dan interpersonal pelajar. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan set soal selidik bagi mengumpulkan data. Data kajian yang dikumpul diproses dengan menggunakan program SPSS. Statistik deskriptif iaitu frekuensi, peratusan dan min telah digunakan untuk menjelaskan profil responden dan menjawab persoalan kajian. Sementara ujian t digunakan bagi melihat perbezaan antara faktor penghalang iaitu faktor struktur, interpersonal dan intrapersonal dengan jantina, status perkahwinan dan penginapan di asrama. Seramai 104 responden yang terdiri daripada pelajar PISMP semester lapan dan DPLI IPGKIK yang telah dipilih secara rawak mudah. Secara umumnya didapati ketiga-tiga faktor iaitu faktor struktur, interpersonal dan intrapersonal menyumbang secara sederhana (Min = 1.66-3.33) kepada faktor-faktor yang menghalang penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan di masa senggang. Antara ketiga-tiga faktor tersebut, didapati faktor struktur merupakan faktor penyumbang tertinggi (Min = 3.01) diikuti faktor interpersonal (Min = 2.60) dan faktor intrapersonal (Min = 2.42). Hasil dapatan kajian mendapati bahawa cuma terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor struktur dengan status perkahwinan serta faktor intrapersonal dengan jantina. Beberapa cadangan juga telah diutarakan hasil daripada dapatan kajian.*

**Kata kunci:** faktor menghalang, kegiatan sukan, waktu senggang

## Pengenalan

“Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menjadi tunggak kekuatan sistem pendidikan negara bermatlamat untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Untuk merealisasikan matlamat murni ini, semua institusi pendidikan dari sekolah hingga ke institusi pengajian tinggi bukan sahaja hanya menumpukan perhatian dalam bidang akademik atau kurikulum sahaja, malah tumpuan dan tanggungjawab perlu juga difokuskan dalam bidang kokurikulum. Antara cabang kokurikulum yang penting ialah aktiviti sukan dan permainan. Aktiviti bersukan bukan sahaja wadah untuk mengasah bakat, pembinaan sahsiah dan meningkatkan kesihatan fizikal serta minda pelajar tetapi dapat menjurus kepada hala tuju membentuk masyarakat bersatu padu, aman dan sejahterah” (Sumber: Kata aluan Tan Sri Dato’ Hj Muhyiddin Bin Hj Mohd Yassin, Menteri Pendidikan Malaysia dalam Modul Latihan Sukan Untuk Guru Penasihat Kelab Sukan Sekolah)

Banyak yang telah diperkatakan tentang kebaikan aktiviti bersukan antaranya peningkatan kesihatan fizikal, pencapaian akademik, kerjasama kumpulan dan keyakinan

diri (Sumber: Universiti Missouri Health Care). Menurut Teng (2001), kegiatan sukan merupakan daya penggerak yang boleh merangsang proses pembelajaran di kalangan pelajar institut pengajian tinggi.

Aktiviti bersukan bukan sahaja dipraktikkan secara formal seperti mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan aktiviti kokurikulum, malah ia juga dijalankan secara tak formal seperti dalam masa senggang. Melalui aktiviti bersukan dalam masa senggang, pelajar akan dapat mengisi masa senggang dan mendapat mengecapi kebaikan aktiviti sukan. Banyak inisiatif telah digembleng di peringkat sekolah seperti Dasar 1 Murid 1 Sukan bagi memupuk minat pelajar dalam aktiviti sukan. Menurut pandangan pengkaji, usaha murni ini seharusnya dipanjangkan ke Institut Pendidikan Guru (IPG) yang merupakan institusi utama yang melahirkan bakal guru sekolah rendah.

Menurut Crawford dan Godbey (1987) terdapat tiga faktor yang menghalang penglibatan seseorang dalam kegiatan aktiviti sukan iaitu:

I. Faktor struktur

Faktor struktur ialah faktor-faktor fizikal dan bukan fizikal seperti kekurangan kemudahan, peralatan, masa, wang dan kebolehdapatan maklumat

II. Faktor interpersonal

Faktor interpersonal ialah faktor-faktor yang melibatkan interaksi atau hubungan antara individu seperti pengaruh rakan sebaya.

III. Faktor intrapersonal

Faktor intrapersonal ialah faktor melibatkan keadaan psikologi individu. Antara faktor intrapersonal termasuklah rasa malu, penat, sikap, isu budaya dan keagamaan serta kemampuan dan kemahiran bersukan yang dimiliki oleh seseorang individu.

Waktu senggang yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah waktu lapang di luar jadual waktu kuliah iaitu selepas jam 4.30 petang pada hari berkuliah dan waktu-waktu lain pada hujung minggu. Manakala Kegiatan sukan yang dimaksudkan ialah aktiviti sukan dan permainan padang dan gelanggang seperti bola sepak, ragbi, renang, bola tampar, badminton, tennis, sepak takraw dan sebagainya.

### **Penyataan Masalah**

Ramai pelajar-pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) didapati tidak melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti sukan pada waktu senggang. Hal ini jelas kelihatan dengan keadaan yang sunyi di padang mahupun gelanggang permainan pada waktu senggang pelajar. Hakikat ini diperkuatkan lagi dengan dapatan Unit Kokurikulum IPGKIK bahawa cuma 70% pelajar menghadiri diri dalam Sukantara Tahunan 2013. Manakala kehadiran pada Sukantara Tahunan 2014 adalah 75%. Sedangkan sukantara tahunan merupakan acara yang wajib untuk semua pelajar dan acara tersebut telah dijalankan pada luar jadual waktu kuliah. Jadi kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor penghalang utama pelajar melibatkan diri dalam aktiviti sukan pada waktu senggang di IPGKIK.


### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk :

- I. Meninjau faktor-faktor yang menghalang penglibatan pelajar-pelajar IPGKIK dalam kegiatan sukan di waktu senggang.
- II. Melihat perbandingan faktor penghalang (struktur, interpersonal dan intrapersonal) dengan faktor jantina, status perkahwinan dan penginapan di asrama.

### Persoalan Kajian

- I. Apakah faktor-faktor yang menghalang pelajar IPGKIK daripada melibatkan diri dalam aktiviti sukan di waktu senggang?



*Rajah 1.* Perkaitan antara Faktor-faktor Penghalang.

- II. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang struktur dengan jantina?
- III. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang interpersonal dengan jantina?
- IV. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor intrapersonal dengan jantina?
- V. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang struktur dengan status perkahwinan?
- VI. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang interpersonal dengan status perkahwinan?
- VII. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor intrapersonal dengan status perkahwinan?
- VIII. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang struktur dengan penginapan di asrama?
- IX. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang interpersonal dengan penginapan di asrama?
- X. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor intrapersonal dengan penginapan di asrama?

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dimana data dikumpulkan melalui soalan soal selidik yang berskala Likert 1 hingga 5. Data deskriptif yang diperoleh pula bertujuan untuk memberi penerangan secara sistematik mengenai fakta yang dikaji secara tepat. Dapatan kajian ini hanya untuk kumpulan sasaran yang dikaji sahaja dan dapatan kajian tidak digeneralisasikan ke seluruh populasi pelajar IPGM.

### **Sampel Kajian**

Sampel kajian terdiri seramai 104 pelajar semester lapan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) dan pelajar Diploma Perguruan Lepas Ijazah DPLI IPGKIK. Para pelajar ini adalah dalam kalangan pelajar semester lapan daripada pengkhususan Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Khas. Sampel ini diambil secara rawak mudah.

### **Instrumen Kajian**

Penyelidik menggunakan borang soal selidik sebagai alat kajian untuk mengumpul data. Borang selidik yang digunakan telah diadaptasikan daripada borang soal selidik yang dibentuk oleh Raymore, Godbey, Crawford dan Von Eye (1993). Responden perlu menjawab soal selidik bahagian pertama tentang maklumat latar belakang manakala bahagian kedua adalah berkaitan item tajuk penyelidikan.

### **Analisis Kajian**

Data-data yang diperoleh dianalisis berdasarkan persoalan kajian dengan menggunakan program perisian *Statistical Package of Social Science (SPSS)*. Analisis data menggunakan perisian pengaturcaraan SPSS dapat menghasilkan pengiraan yang tepat dan bebas daripada ralat (Majid Konting, 1990). Sub-program yang digunakan adalah ujian t pada aras signifikan  $p < 0.05$ . Selain daripada itu statistik deskriptif min, kekerapan dan peratusan juga digunakan.

Bagi menjawab soalan-soalan persoalan kajian pula, perbandingan min digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang pertama. Manakala ujian t digunakan untuk menjawab persoalan kajian 2 hingga 10. Skor julat min diukur melalui sistem tiga kuartil (Ghazali Darusalam, 2003) iaitu: Tahap rendah = Min (0-1.66), Tahap sederhana = Min (1.66-3.33) dan Tahap tinggi = Min (3.33-5.00)

### **Dapatan Kajian**

Taburan peratusan untuk faktor jantina, status perkahwinan dan penginapan adalah seperti berikut:

Jadual 1

#### *Profil Sampel Mengikut Jantina*

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	31	29.8
Perempuan	73	70.2
Jumlah	104	100

Berdasarkan Jadual 1, dapatan kajian menunjukkan responden pelajar perempuan adalah seramai 73 orang atau 70.2%. Manakala responden pelajar lelaki adalah seramai 31 orang atau 29.8 %.

Jadual 2

*Profil Sampel Mengikut Status Perkahwinan*

Status Perkahwinan	Kekerapan	Peratus
Bujang	93	89.4
Berkahwin	11	10.6
Jumlah	104	100

Berdasarkan Jadual 2, daripada keseluruhan subjek kajian seramai 104 orang, pelajar berstatus bujang adalah seramai 93 orang atau 89.4 %. Manakala pelajar yang telah berkahwin adalah seramai 11 atau 10.6% sahaja.

Jadual 3

*Profil Sampel Mengikut Penginapan Di Asrama*

Penginapan di Asrama	Kekerapan	Peratus
Ya	10	9.6
Tidak	94	90.4
Jumlah	104	100

Jadual 3 menunjukkan profil sampel mengikut penginapan di asrama. Daripada 104 sampel, 94 pelajar tinggal di luar asrama atau 90.4 %. Manakala cuma terdapat 10 orang atau 9.6 % sahaja yang tinggal di asrama institut.

Analisis statistik deskriptif min untuk faktor-faktor penghalang adalah seperti berikut:

Jadual 4

*Faktor-Faktor Penghalang Mengikut Pangkatan Dan Min*

Pangkatan	Faktor Penghalang	Min	SD
1	Struktur	3.01	0,89
2	Interpersonal	2.60	0.91
3	Intrapersonal	2.42	0.83

Bagi menjawab persoalan kajian pertama iaitu apakah faktor-faktor yang yang menghalang pelajar IPGKIK daripada melibatkan diri dalam kegiatan sukan, berdasarkan kepada jadual 3, dapatan kajian menunjukkan ketiga-tiga faktor penghalang iaitu faktor struktur, faktor interpersonal dan faktor intrapersonal menyumbang pada tahap sederhana (Min = 1.66-3.33). Antara ketiga-tiga faktor penghalang tersebut, faktor struktur merupakan faktor penghalang tertinggi iaitu min = 3.01 diikuti dengan faktor interpersonal iaitu min = 2.60 dan faktor intrapersonal dengan min = 2.42.

Untuk mengenal pasti tahap faktor-faktor penyumbang kepada isu yang dikaji, analisis statistik deskriptif min dijalankan untuk faktor struktur, faktor interpersonal dan faktor intrapersonal seperti berikut:

Jadual 5

*Faktor Struktur Mengikut Pangkatan Dan Min*

Pangkat	Soalan	Min
1	18. Birokrasi untuk menggunakan kemudahan sukan.	3.27
2	1. Lokasi kemudahan dan gelanggang permainan terlalu jauh dari tempat tinggal saya.	3.13
3	10. Jadual penggunaan kemudahan sukan tidak sesuai dengan jadual /masa kuliah saya.	2.95
4	9. Saya tidak mempunyai maklumat yang mencukupi tentang aktiviti sukan yang di institut.	2.89
5	16. Tiada pengangkutan ke lokasi kemudahan dan gelanggang permainan untuk bersukan.	2.53

Berdasarkan Jadual 5, bagi faktor struktur, dapatan kajian menunjukkan kesemua 5 item soalan terletak dalam julat min yang sederhana (Min = 1.66-3.33) . Daripada 5 item soalan berkaitan faktor struktur, Item soalan 18 (Min = 3.27) iaitu faktor penghalang birokrasi untuk menggunakan kemudahan sukan menunjukkan min yang tertinggi diikuti dengan item soalan 1 (Min = 3.13). Manakala faktor penghalang tiada pengangkutan ke lokasi kemudahan sukan iaitu item 16 (Min = 2.53) menunjukkan min yang paling rendah.

Jadual 6

*Faktor Interpersonal Mengikut Pangkatan dan Min*

Pangkat	Soalan	Min
1	7. Rakan saya tidak mempunyai masa untuk bersukan bersama saya.	2.97
2	11. Rakan saya tidak mempunyai kemahiran untuk bersukan bersama saya.	2.67
3	8. Rakan saya tidak menggalakkan saya untuk bersukan.	2.55
4	5. Rakan saya menganggap tidak ada aktiviti sukan yang sesuai dikendalikan di institut ini.	2.25

Berdasarkan Jadual 6, bagi faktor interpersonal, dapatan kajian menunjukkan kesemua 4 item soalan terletak dalam julat min yang sederhana (Min = 1.66-3.33). Daripada item-item soalan berkaitan faktor interpersonal pula, Item soalan 7 mencatatkan min tertinggi (Min = 2.97) diikuti dengan item soalan 11 (Min = 3.26), item 8 (Min = 2.55) dan item 5 (Min = 2.25).

Jadual 7

*Faktor Intrapersonal Mengikut Pangkatan Dan Min*

Pangkat	Soalan	Min
1	17. Saya berasa penat untuk bersukan kerana penat berkuliah.	3.16
2	2. Saya malu untuk melbatkan diri dalam aktiviti sukan.	2.74
3	15. Saya berasa malas untuk bersukan.	2.65
4	4. Saya tidak mempunyai sebarang kemahiran untuk bersukan.	2.42
5	3. Aktiviti sukan dikendalikan dalam bentuk yang melanggar nilai dan kepercayaan agama.	2.20
6	13. Taraf hidup tidak menggalakkan saya untuk bersukan.	2.10
7	12. Aktiviti sukan membuatkan saya berasa tidak selesa.	2.07
8	14. Tahap kesihatan tidak mengizinkan saya untuk bersukan.	2.04

Berdasarkan Jadual 7, bagi faktor intrapersonal, dapatan kajian menunjukkan kesemua 8 item soalan terletak dalam julat min yang sederhana (Min = 1.66-3.33) . Daripada 8 item soalan berkaitan faktor penghalang intrapersonal, Item soalan 17 (Min = 3.16) mencatatkan min tertinggi. Manakala item 14 (Min = 2.04) mencatatkan min yang terendah.

Analisis data ujian t ditadbirkan untuk melihat perbandingan antara faktor-faktor penghalang (struktur, interpersonal dan intrapersonal) dengan faktor jantina, status perkahwinan dan faktor penginapan di asrama.

Jadual 8

*Ujian T Faktor Penghalang Dengan Jantina*

Faktor	Jantina	Min	SD	t	df
Struktur	L=31	2.78	1.014	-1.804	101
	P=73	3.12	0.825		
Interpersonal	L=31	2.34	0.900	-1.911	102
	P=73	2.71	0.912		
Intrapersonal	L=31	2.17	0.788	-2.017	102
	P=73	2.52	0.836		

Jadual 8, menunjukkan analisis ujian t antara faktor menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan dengan jantina. Dapatan kajian menunjukkan min pelajar perempuan melebihi min pelajar lelaki untuk ketiga-tiga faktor penghalang.



Bagi menjawab persoalan kajian kedua iaitu adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang struktur dengan jantina, ujian t telah digunakan. Berdasarkan kepada jadual 8, dari segi faktor struktur terdapat perbezaan min antara pelajar lelaki (Min = 2.78, SD = 1.014) dengan pelajar perempuan (Min = 3.12, SD = 0.825). Didapati min pelajar perempuan lebih tinggi daripada min pelajar lelaki sebanyak 0.34. Walau bagaimanapun dapatan kajian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan ( $t(103) = -1.804, p < 0.05$ ) antara faktor struktur dengan jantina.

Ujian t telah digunakan untuk menjawab persoalan kajian ketiga iaitu adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang interpersonal dengan jantina. Berdasarkan kepada jadual 8, didapati min pelajar perempuan (Min = 2.71, SD = 0.912) lebih tinggi daripada min pelajar lelaki (Min = 2.34, SD = 0.900) sebanyak 0.37. Akan tetapi dapatan kajian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan ( $t(104) = -1.911, p < 0.059$ ) antara faktor interpersonal dengan jantina.

Bagi menjawab persoalan kajian keempat iaitu adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang iaitu faktor intrapersonal penglibatan dalam kegiatan kokurikulum sukan dengan jantina, ujian t telah digunakan. Didapati min pelajar perempuan (Min = 2.52, SD = 0.836) lebih tinggi daripada min pelajar lelaki (Min = 2.17, SD = 0.788) sebanyak 0.35. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ( $t(104) = -2.017, p < 0.05$ ) antara faktor intrapersonal dengan jantina.

Analisis data ujian t ditadbirkan untuk melihat perbandingan antara faktor-faktor penghalang (struktur, interpersonal dan intrapersonal) dengan faktor status perkahwinan seperti dalam jadual 9:

Jadual 9

*Ujian T Faktor Penghalang Dengan Status Perkahwinan*

Faktor	Status	Min	SD	t	df
Struktur	Bujang=93	2.99	0.931	-1.434	26.9
	Berkahwin=11	3.21	0.387		
Interpersonal	Bujang=94	2.55	0.909	-1.772	103
	Berkahwin=11	3.06	0.888		
Intrapersonal	Bujang=94	2.38	0.852	-1.392	103
	Berkahwin=11	2.75	0.544		

Jadual 9, menunjukkan analisis ujian t antara faktor menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan dengan status perkahwinan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan min pelajar yang telah berkahwin adalah lebih tinggi daripada min pelajar yang masih bujang untuk ketiga-tiga faktor penghalang.

Bagi menjawab persoalan kajian kelima iaitu adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang iaitu faktor struktur penglibatan dalam kegiatan sukan dengan status perkahwinan, ujian t telah digunakan. Berdasarkan Rajah 9, struktur didapati terdapat perbezaan min antara pelajar yang bujang (Min = 2.99, SD = 0.931) dengan pelajar perempuan (M = 3.21, SD = 0.387) dari segi faktor. Didapati min pelajar berkahwin lebih tinggi daripada min pelajar bujang sebanyak 0.22. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ( $t(104) = -1.434, p < 0.05$ ) antara faktor struktur dengan status perkahwinan dalam penglibatan pelajar dalam kegiatan sukan.

Bagi menjawab persoalan kajian keenam iaitu adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang iaitu faktor interpersonal penglibatan dalam kegiatan sukan dengan status perkahwinan, ujian t telah digunakan. Berdasarkan Rajah 9, didapati terdapat perbezaan min antara pelajar lelaki (Min = 2.55, SD = 0.909) dengan pelajar perempuan (M=3.06, SD = 0.888) dari segi faktor interpersonal. Didapati min pelajar berkahwin lebih tinggi daripada min pelajar lelaki sebanyak 0.51. Walau bagaimanapun dapatan kajian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan ( $t(105) = -1.772, p < 0.05$ ) antara faktor interpersonal dengan status perkahwinan dalam penglibatan pelajar dalam kegiatan sukan.

Ujian t juga telah digunakan untuk menjawab persoalan kajian ketujuh iaitu adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang intrapersonal penglibatan dalam kegiatan sukan dengan status perkahwinan. Dari segi faktor intrapersonal perbezaan min antara pelajar bujang (Min = 2.38, SD = 0.852) dengan pelajar perempuan (Min = 2.75, SD = 0.544). Didapati min pelajar berkahwin lebih tinggi daripada min pelajar bujang sebanyak 0.37. Dapatan kajian menunjukkan tiada terdapat perbezaan yang signifikan ( $t(105) = -1.392, p < 0.05$ ) antara faktor struktur dengan jantina dalam penglibatan pelajar dalam kegiatan sukan.

Jadual 10

*Ujian T Faktor Penghalang Dengan Penginapan Di Asrama*

Faktor	Asrama	Min	SD	t	df
Struktur	Ya=10	2.63	0.525	-1.442	102
	Tidak=94	3.05	0.913		
Interpersonal	Ya=11	2.31	0.844	-1.116	103
	Tidak=94	2.64	0.922		
Intrapersonal	Ya=11	2.35	0.772	-0.290	103
	Tidak=94	2.42	0.841		

\* Aras signifikan  $p < 0.05$ .

Jadual 10, menunjukkan analisis ujian t antara faktor menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan dengan penginapan pelajar di asrama. Dapatan kajian menunjukkan min pelajar yang telah tidak menginap di asrama adalah lebih tinggi daripada min pelajar yang menginap di asrama untuk ketiga-tiga faktor penghalang.

Bagi menjawab persoalan kajian kelapan iaitu adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang iaitu faktor struktur penglibatan dalam kegiatan sukan dengan penginapan pelajar di asrama, ujian t telah digunakan. Dari segi struktur terdapat perbezaan min antara pelajar yang menginap di asrama (Min = 2.63, SD = 0.525) dengan pelajar yang tidak menginap di asrama (Min = 3.05, SD = 0.913). Didapati min pelajar yang tidak menginap di asrama lebih tinggi daripada min pelajar yang menginap di asrama sebanyak 0.42. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan ( $t(104) = -1.442, p < 0.05$ ) antara faktor struktur dengan faktor menginap di asrama.

Bagi menjawab persoalan kajian kesembilan iaitu adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang iaitu faktor interpersonal penglibatan dalam kegiatan sukan dengan penginapan pelajar di asrama, ujian t telah digunakan. Berdasarkan Rajah 10, didapati terdapat perbezaan min antara pelajar yang menginap di asrama (Min = 2.31, SD = 0.844) dengan pelajar yang tidak menginap di asrama (Min = 2.64, SD = 0.922). Didapati min pelajar yang tidak menginap di asrama lebih tinggi daripada min pelajar yang menginap di asrama sebanyak 0.33. Dapatan kajian juga menunjukkan tiada perbezaan

yang signifikan ( $t(104) = -1.116, p < 0.05$ ) antara faktor interpersonal dengan faktor menginap di asrama.

Bagi menjawab persoalan kajian kesepuluh iaitu adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang iaitu faktor intrapersonal penglibatan dalam kegiatan sukan dengan penginapan pelajar di asrama, ujian t telah digunakan. Berdasarkan Rajah 10, didapati terdapat perbezaan min antara pelajar yang menginap di asrama (Min = 2.35, SD = 0.772) dengan pelajar yang tidak menginap di asrama (Min = 2.42, SD = 0.05). Didapati min pelajar yang tidak menginap di asrama lebih tinggi daripada min pelajar yang menginap di asrama sebanyak 0.07. Dapatan kajian juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan ( $t(104) = -0.290, p < 0.05$ ) antara faktor interpersonal dengan faktor menginap di asrama dalam penglibatan pelajar dalam kegiatan sukan.

### **Perbincangan, Implikasi dan Cadangan Dapatan Deskriptif**

Perbandingan menggunakan pangkatan dari min digunakan untuk menentukan apakah faktor utama yang menghalang penglibatan pelajar IPGKIK dalam kegiatan sukan di waktu senggang. Dapatan kajian menunjukkan ketiga-tiga faktor penghalang iaitu faktor struktur, faktor interpersonal dan faktor intrapersonal adalah pada tahap sederhana (Min = 1.66-3.33). Antara ketiga-tiga faktor penghalang kepada penglibatan pelajar IPGKIK dalam kegiatan sukan, faktor struktur merupakan faktor penghalang tertinggi (Min = 3.01) diikuti dengan faktor interpersonal (Min = 2.60) dan faktor intrapersonal (Min = 2.42). Dapatan ini adalah selari dengan dapatan kajian Mohammad Harris (1999) dan Mustafa Kamal (2000) yang menyatakan faktor utama penghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan adalah faktor luaran iaitu kemudahan. Isu kekurangan kemudahan sukan ini boleh dilihat dari segi aspek prasarana dan aspek penyenggaraan kemudahan itu sendiri. Pengkaji berpendapat aspek prasana di IPGKIK masih berada pada tahap yang memuaskan tetapi aspek penyenggaraan perlu dipertingkatkan. Antara kemudahan sukan yang dilihat kritikal untuk dibaikpulih adalah kolam renang dan trek bitumen olahraga. IPGKIK merupakan IPG yang mempunyai kolam renang sendiri tetapi masalah penyenggaraan telah menyebabkan kolam renang tidak dapat digunakan. Usaha pemuliharaan harus digemblengkan untuk mengembalikan "zaman gemilang" kolam IPGKIK yang pernah digunakan untuk temasya sukan antarabangsa. Trek bitumen olahraga IPGKIK didapati tidak sesuai dan kurang selamat digunakan untuk larian. Usaha menaik taraf permukaan trek sangat diperlukan.

Manakala dalam kelompok faktor struktur pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor penghalang birokrasi untuk menggunakan kemudahan sukan menunjukkan min yang tertinggi (Min = 3.27). Para pelajar IPGKIK perlu mematuhi perkara-perkara berkaitan hal birokrasi seperti prosedur meminjam dan memulangkan alatan sukan serta tempahan kemudahan sukan seperti bilik gim dan gelanggang badminton di dewan. Penyelidik mencadangkan kajian lanjutan dijalankan untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan sedia ada berkaitan birokrasi menggunakan kemudahan dan dengan mengambil kira pandangan semua pihak terutama para pelajar sendiri.

Para responden beranggapan bahawa faktor penghalang struktur merupakan faktor penyumbang yang kedua penting iaitu lokasi kemudahan sukan yang jauh daripada tempat penginapan. (Min = 3.13). Faktor penghalang yang turut berkait rapat adalah faktor ketiadaan pengangkutan dari tempat penginapan ke lokasi kemudahan sukan (Min = 2.53). Hal ini timbul kerana majoriti responden tinggal di luar asrama (89.4%). Ada di kalangan pelajar yang tinggal di luar kampus ini pula ramai yang berkongsi kenderaan untuk ke kampus. Hasil daripada dapatan kajian di atas, dicadangkan agar lebih ramai pelajar digalakkan menginap di asrama dengan membina lebih banyak kemudahan bilik asrama.

Para responden juga beranggapan jadual penggunaan kemudahan sukan yang tidak sesuai dengan permintaan mereka. Majoriti pelajar tamat kuliah mereka pada jam 4.30

petang sedangkan kemudahan pinjaman alatan di stor sukan telah tutup pada masa itu. Stor sukan cuma akan beroperasi selepas jam 4.30 petang jika terdapat tempahan daripada para pensyarah untuk kegunaan kelas. Kemudahan meminjam alatan di stor sukan dan kemudahan sukan yang lain juga tidak beroperasi pada masa senggang di hujung minggu. Adalah dicadangkan masa pembukaan pinjaman stor sukan harus dikaji semula dengan mengambil kira pandangan dan permintaan para pelajar. Dalam hal tersebut diatas, pelajar juga boleh dilibatkan bersama sebagai "kuater master" untuk menjaga dan mengendalikan urusan peminjaman alatan di stor sukan pada waktu luar pejabat.

Manakala dapatan faktor interpersonal (Min = 1.66-3.33) pula, faktor rakan tidak mempunyai masa (Min = 2.97) dan rakan tidak mempunyai kemahiran untuk bersukan bersama (Min = 2.67) merupakan faktor utama yang didapati menghalang pelajar bersukan pada masa senggang. Ini menunjukkan bahawa pengaruh negatif rakan sebaya merupakan faktor penyumbang yang penting dalam menghalang mereka bersukan pada waktu senggang. Untuk mengatasi masalah tersebut, kesedaran kepentingan bersukan harus diterap dalam jiwa setiap pelajar agar aktiviti bersukan dapat diberi keutamaan dalam kegiatan seharian mereka. Jadi dalam hal ini kempen pendidikan dan kesedaran kebaikan bersukan harus dijalankan secara berterusan. Manakala untuk mengatasi masalah kekurangan kemahiran bersukan pula, dicadangkan lebih banyak kursus dan bengkel sukan berbentuk amali dianjurkan. Kedua-dua usaha tersebut boleh dijalankan oleh jabatan atau unit yang berkaitan seperti jabatan pendidikan jasmani, jabatan sukan dan unit kokurikulum dengan sokongan penuh pihak pentadbir dan semua jabatan lain.

Pada masa yang sama, faktor penghalang intrapersonal (Min = 1.66-3.33) juga tidak boleh diambil mudah. Faktor kepenatan para pelajar didapati penyumbang utama (Min = 3.16). Masa berkuliah harian yang panjang iaitu dari jam 8.00 pagi hingga ke 4.30 petang serta kewajipan untuk menyelesaikan tugas dan kerja kursus merupakan faktor yang mungkin menyumbang kepada kepenatan pelajar. Disarankan agar kaedah pelaksanaan program di IPG dikaji dengan mengambil kira bebanan waktu pelajar.

### **Dapatan Ujian t:**

Antara sembilan persoalan kajian yang dijawab dengan ujian t, cuma terdapat dua persoalan kajian yang mencatatkan perbezaan yang signifikan iaitu persoalan kajian keempat dan kelima.

Dalam persoalan kajian keempat, didapati terdapat perbezaan yang signifikan ( $t(104) = -2.017, p < 0.05$ ) antara faktor penghalang intrapersonal dengan jantina. Dapatan kajian juga menunjukkan min pelajar perempuan (Min = 2.52, SD = 0.836) lebih tinggi daripada min pelajar lelaki (Min = 2.17, SD = 0.788) sebanyak 0.35. Ini menunjukkan faktor intrapersonal seperti cepat penat, malu, kemahiran sukan yang lebih rendah, pakaian dan keselesaan bersukan merupakan faktor penghalang yang lebih menyumbang bagi pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki. Walau bagaimanapun dapatan ini adalah tidak selaras dengan dapatan kajian Mohd Jaflus (2002) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang intrapersonal pelajar dengan jantina. Perbezaan dapatan ini mungkin disebabkan oleh faktor usia responden yang berbeza iaitu pelajar IPG yang telah dewasa berbanding dengan pelajar di peringkat sekolah yang dikaji oleh pengkaji awal. Sehubungan dengan itu usaha seperti kursus kemahiran sukan untuk para pelajar khususnya pelajar wanita harus dijalankan untuk meningkatkan kemahiran bersukan dan seterusnya minat mereka.

Manakala persoalan kedua yang signifikan adalah persoalan kajian kelima iaitu adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang struktur penglibatan dalam kegiatan sukan dengan status perkahwinan ( $t(104) = -1.434, p < 0.05$ ). Didapati min pelajar berkahwin (Min = 3.21, SD = 0.387) lebih tinggi daripada min pelajar bujang (Min =

2.99, SD = 0.931) sebanyak 0.22. Dalam hal ini, pelajar yang telah berkahwin menganggap faktor struktur menghalang mereka lebih banyak berbanding dengan pelajar yang masih belum berkahwin. Hal ini adalah kerana kebanyakan pelajar yang telah berkahwin mempunyai komitmen keluarga yang lebih tinggi (Hamsan, 1995) . Ramai pelajar yang telah berkahwin juga didapati sering pulang ke rumah di kampung halaman pada hujung minggu untuk bersama keluarga terutama mereka yang telah mempunyai anak.

### **Rumusan dan Kajian Masa Depan**

Dapatan kajian menunjukkan ketiga-tiga faktor iaitu faktor struktur, faktor interpersonal dan faktor intrapersonal telah menyumbang sebagai faktor penghalang kepada penglibatan para pelajar IPGKIK dalam kegiatan sukan di masa senggang. Diharapkan dapatan kajian dan cadangan yang diutarakan akan mendapat perhatian dan tindakan daripada pihak yang berkaitan seperti pihak pentadbir, jabatan dan unit yang berkaitan.

Didapati faktor-faktor penghalang adalah saling berkait secara "Inter-kumpulan" dan "Intra-kumpulan". Dicadangkannya kajian lanjut harus dijalankan untuk melihat perkaitan antara ketiga-tiga kumpulan utama faktor penghalang utama iaitu faktor struktur, faktor interpersonal dan intrapersonal dan perkaitan antara faktor-faktor dalam setiap kumpulan utama tersebut. Kajian lanjut yang lebih bermakna nanti harus melibatkan sampel pelajar yang lebih ramai dan daripada pelajar pelbagai semester supaya generalisasi yang lebih bermakna dapat dilakukan. Selain itu dicadangkannya kajian lanjut dijalankan untuk melihat perkaitan faktor kekangan masa dengan jadual dan bebanan tugas akademik dalam mempengaruhi minat pelajar dalam bersukan di waktu senggang.

### **Rujukan**

- Bahagian Sukan. (2012). *Modul latihan sukan untuk guru penasihat kelab sukan sekolah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Crawford, D. & Godbey, G. (1987). Reconceptualizing barriers to family recreation. *Leisure Sciences*, 9 (3), 119-127
- Ghazali Darusalam. (2003). *Keberkesanan Kursus Diploma Perguruan Malaysia [Pengkhususan Pengajian Islam] Di Maktab-Maktab Perguruan Malaysia*. Tesis Ph.D. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hamsan Saom (1995). *Tinjauan mengenai faktor-faktor yang menyebabkan pelajar-pelajar wanita UTM kurang melibatkan diri dalam aktiviti sukan*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Haris Meon. (1999). *Keberkesanan pelaksanaan aktiviti kokurikulum di Sekolah Menengah Rancangan Felda Daerah Kota Tinggi, Johor*. Tesis yang tidak diterbitkan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Jaflus Bahari. (2008). *Faktor-faktor yang menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan di kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Seremban*. Tesis yang tidak diterbitkan. Maktab Perguruan Islam.
- Mustafa Kamal Ali. (2000). *Faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar Melayu*

*tingkatan empat dalam aktiviti kokurikulum di rancangan Felda Daerah Segamat Selatan.* Tesis yang tidak diterbitkan : Universiti Teknologi Malaysia.

Raymore, L.. A, Gogbey, G. C, Crawford, D. W & Von Eye, A. (1993). A nature and process of leisure constraints : An empirical test. *Leisure Sciences*, 15, 104.

Teng Boon Tong. (2001). *Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan.* Selangor Darul Ehsan: Penerbit Logman.

University of Missouri Health Care. *Benefits of Sports.* Retrieved From website:  
<http://www.muhealth.org/services/pediatrics/conditions/adolescent-medicine/benefits-of-sports/#.U82er-aKDDc>